

24 JUN 2002

Sukan-Sepak Takraw

KELANTAN TUAN RUMAH SEPAK TAKRAW GP KEBANGSAAN

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Sebanyak 14 pasukan akan menyertai Kejohanan Sepak Takraw Perilly's Grand Prix Kebangsaan di Kelantan selama empat hari bermula 4 Julai ini.

Penyelaras jawatankuasa pertandingan Persatuan Sepaktakraw Malaysia (PSM), Mahathir Mohamad, berkata kejohanan itu yang juga dikenali sebagai Kejohanan Terbuka Kelantan, akan diadakan di Dewan Majlis Sukan Negeri, dan merupakan GP kebangsaan yang pertama dari tiga GP kebangsaan.

"Pada tahun ini PSM cuma dapat menganjurkan Kejohanan Kebangsaan Piala Emas Khir Johari yang telah berlangsung pada 5-9 Jun lalu, GP pertama di Kelantan, GP kedua di Kedah pada 31 Julai-4 Ogos manakala GP ketiga di Negeri Sembilan yang tarikhnya belum ditentukan lagi," katanya pada majlis pengundian GP Kebangsaan yang pertama, di sini hari ini.

Mahathir berkata penaja utama GP Kebangsaan, Perilly's membelanjakan RM1.2 juta untuk tujuh kejohanan GP tahun lalu berbanding RM250,000 bagi tiga GP dan kejohanan Piala Emas Khir Johari tahun ini.

Katanya bermula tahun ini, semua GP sepak takraw kebangsaan akan menggunakan format baru, iaitu `double knockout' untuk pusingan awal dan `sudden death' untuk pusingan akhir.

Mahathir berkata bagi GP kali ini, hampir semua negeri termasuk Angkatan Tentera dan Polis Diraja Malaysia akan mengambil bahagian kecuali Negeri Sembilan dan Sabah.

Katanya, johan GP kebangsaan akan menerima RM5,000, naib johan RM3,000 dan dua pemenang tempat ketiga RM1,500 setiap pasukan.

Mengenai bola yang akan digunakan pada GP kali ini, Mahathir berkata ia terpulang pada urusetia pertandingan menentukannya.

Pada Kejohanan Piala Emas Khir Johari lalu, urusetia PSM pada mulanya menggunakan bola jenama `marathon' tetapi akhirnya menggunakan bola jenama `gajah emas' atas arahan pihak tertinggi PSM.

Pada GP Kebangsaan 2001 di Johor Bahru, Selangor mengalahkan Kuala Lumpur untuk muncul juara sementara Pahang dan Johor berkongsi tempat ketiga.

Undian peringkat kumpulan:

Kumpulan A: Selangor, Pahang, Polis Diraja Malaysia, Kedah, Perlis, Sarawak, Perak.

Kumpulan B: Kuala Lumpur, Johor, Kelantan, Terengganu, Angkatan Tentera Malaysia, Pulau Pinang, Melaka.

-- BERNAMA

ZAS AKT ZB